

14 MAR 1998

Mahathir-pembaharuan

UTAMAKAN KEKUATAN UMNO, TANGGUHKAN PEMBAHARUAN PEMIMPIN, MAHATHIR

KUALA SELANGOR, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota Umno yang ingin melakukan pembaharuan di dalam kepimpinan parti itu supaya menangguhkan dahulu hasrat mereka sehingga kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara dapat diatasi.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata parti itu tidak berhasrat untuk menghalang mana-mana anggotanya melakukan pembaharuan tetapi pembaharuan itu dikhuatiri akan menyebabkan perpecahan di dalam parti sehingga ia menjadi lemah dan akhirnya kehilangan kuasa untuk meneruskan dasar perjuangan bagi membela hak dan kepentingan orang Melayu.

"Walaupun ramai yang berkata sepatutnya ada pembaharuan dalam kepimpinan parti kita, pembaharuan itu boleh dibuat kemudian," katanya ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan tahunan Umno bahagian Kuala Selangor di sini.

"Hari ini yang penting ialah perpaduan dan kekuatan bagi Umno kerana kita menghadapi usaha untuk sekali lagi menjajah kita. Kalau kita sudah tidak punyai kuasa untuk menentukan dasar-dasar dalam negara kita, maka ini bermakna kita sudah dijajah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebab itulah Majlis Tertinggi (MT) Umno membuat keputusan melarang anggota MT yang memegang jawatan ketua bahagian dicabar pada pemilihan bahagian tahun ini.

Bagi mengimbangi keputusan itu, anggota MT yang bukan ketua bahagian pula tidak boleh mencabar ketua bahagian yang sedia ada, katanya.

"Keputusan yang dibuat oleh MT bukanlah menafikan demokrasi tetapi untuk mengelakkan daripada demokrasi disalahgunakan oleh ramai yang terlalu berminat untuk menjadi pemimpin sehingga sanggup menghulurkan rasuah bagi mendapatkan tempat.

"Dengan tidak adanya pemilihan maka kuranglah sedikit kemungkinan rasuah ini tetapi kita harus didik diri kita supaya menolak cara-cara yang tidak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata sebab lain MT membuat keputusan itu adalah bagi mengelakkan perpecahan yang sering berlaku setiap kali ada pertandingan.

"Sepatutnya apabila kita bertanding, kita bertanding secara yang biasa hanya untuk melihat sama ada kita menang ataupun tidak, dapat sokongan ataupun tidak dan tidak lebih daripada itu.

"Tetapi pertandingan selalunya menjadi begitu sengit hingga kita bermusuhan antara calon dengan calon, penyokong dengan penyokong dan apabila sahaja mana-mana pihak menang, pihak yang kalah mengasingkan diri hingga sanggup mengkhianati parti dan dengan itu parti akan menjadi lemah," katanya.

Dr Mahathir berkata permusuhan itu selalunya berlarutan sehingga pilihan raya di mana calon yang kalah pada pemilihan bahagian enggan menyokong calon yang dipilih oleh parti untuk bertanding di kawasan mereka.

Beliau berkata apabila sokongan tidak diberikan calon parti sudah pasti akan kalah dan akhirnya parti gagal mendapat kuasa untuk meneruskan perjuangannya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata anggota-anggota Umno hendaklah memahami cara-cara demokrasi dan memilih calon yang berguna untuk parti bukan untuk kepentingan diri mereka atau kepentingan calon itu sendiri. --

BERNAMA

AH AKD